

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/9/2016

Muka surat: 4

# STB jalankan kaji selidik "Touring in Sarawak"

.....  
JUMIET NYIREK

**KUCHING:** Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) kini menjalankan satu kaji selidik "Touring in Sarawak" bagi mendapatkan maklum balas pelancong yang berkunjung ke negeri ini.

Pengerusi STB Datuk Abdul Wahab Aziz berkata maklum balas itu terbuka kepada semua pelancong sama ada dalam dan luar negeri yang pernah berkunjung ke Sarawak.

"Ini salah satu kaedah bagi mendapatkan penilaian dan pandangan pelancong mengenai destinasi serta aktiviti pelancongan di Sarawak," katanya.


Menurut beliau kaji selidik juga bertujuan bagi memahami pengalaman pelancong secara lebih mendalam sepanjang percutian mereka di negeri ini.

Beliau berkata segala data atau maklumat yang diperolehi kelak akan digunakan untuk meningkatkan produk serta perkhidmatan pelancongan di negeri ini.

Jelasnya kaji selidik itu akan dibahagikan kepada lima bahagian iaitu profil peribadi, tempat, makanan, aktiviti dan pengalaman penjelajahan destinasi di Sarawak.

Kaji selidik itu katanya akan dibuat secara talian melalui laman sesawang STB dan pelancong yang pernah berkunjung ke negeri ini boleh mengisi jawapan dalam ruangan tersebut.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas majlis ringkas



**METERAI ...** Pengerusi Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) Datuk Abdul Wahab Aziz (kiri) bersama Penyelidik Institute Of Borneo Studies, Unimas Dr Hiram Ting menandatangani plak sebagai simbolik pelancaran kaji selidik "Touring in Sarawak" di Kuching, semalam.

pelancaran "Touring in Sarawak Survey" di pejabat STB di sini semalam.

Abdul Wahab berkata daripada segi profil peribadi pelancong dikehendaki memberi maklumat peribadi seperti nama, negeri atau negara asal serta jumlah berkunjung ke Sarawak. Manakala bagi ruangan tempat katanya lagi pelancong dikehendaki menjawab soalan dan memberi pandangan mengenai tempat-tempat yang telah dikunjungi itu.

Bagi ruangan makanan katanya lagi pelancong perlu memberi ulasan mengenai makanan yang dinikmati di negeri ini terutama yang menjadi simbol atau mercu tanda Sarawak seperti mi kolok, pansuh, kek lapis, laksa Sar-

awak dan sebagainya.

Beliau berkata Sarawak juga menjadi tumpuan melalui beberapa penganjuran acara antarabangsa seperti Festival Muzik Hutan Hujan Tropika, Festival Jazz Borneo, Regata Sarawak dan banyak lagi.

Oleh itu katanya maklum balas daripada pelancong yang pernah datang ke negeri ini bagi menyaksikan acara tersebut juga diperlukan.

Jelasnya ia bertujuan bagi meningkatkan kualiti penganjuran bagi setiap acara itu. Sarawak katanya mempunyai banyak tempat-tempat menarik membabitkan keindahan alam semulajadi untuk dikunjungi. Tempat-tempat ini katanya menjadi tumpuan bagi penggemar aktiviti lasak seperti penjelajahan hutan,

sungai dan sebagainya.

Oleh sebab itu katanya lagi pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam ruangan kaji selidik "Touring in Sarawak" dalam laman sesawang STB diharap dapat memberi manfaat kepada agensi terbabit bagi meningkatkan kualiti pelancongan di negeri ini.

Kaji selidik "Touring in Sarawak" merupakan usaha sama STB dan Institute Of Borneo Studies Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bagi mendapatkan maklum balas mengenai aktiviti pelancongan di negeri ini. Ia akan dipaparkan dalam laman web STB dalam masa terdekat ini.

Turut hadir Pakar Penyelidik Institute of Borneo Studies Unimas Dr Hiram Ting